

18 NOV 1996  
Apec-Persediaan  
PERWAKILAN MULA TIBA UNTUK MESYUARAT APEC

Oleh: Abdul Muin Majid

MANILA, 18 Nov (Bernama) -- Dengan hanya tinggal beberapa hari lagi sebelum forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bermula, anggota perwakilan mula tiba di ibu negara Filipina ini sementara persiapan bagi mesyuarat 18 negara itu terus rancak.

Mereka yang membuat tempahan awal di hotel-hotel di Manila pasti berasa lega kerana hotel-hotel di situ bukan sahaja sudah penuh ditempah oleh anggota perwakilan tetapi juga oleh lebih kurang 2,000 wartawan yang akan membuat liputan forum itu.

"Saya masih cuba untuk dapatkan bilik bagi anggota perwakilan negara saya," kata seorang pegawai kedutaan sebuah negara anggota Apec semasa ditemui di sebuah hotel berhampiran Pusat Konvensyen Antarabangsa Filipina (PICC) di sini.

PICC yang terletak di tengah keindahan Teluk Manila, merupakan tempat bagi mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan menteri-menteri bermula esok yang menjadi pendahulu kepada mesyuarat ketua-ketua 18 ekonomi Apec di Teluk Subic pada 25 Nov ini. Teluk Subic merupakan bekas pangkalan tentera Amerika Syarikat yang terletak ke utara dari sini.

Para pekerja kelihatan mengindahkan bandaraya itu dengan pokok-pokok bunga dan tanda jalan pula dicat semula sementara PICC sendiri dihiasi dengan pokok-pokok yang berwarna-warni, sepanduk dan hiasan lain.

Sepanduk-sepanduk Apec digantung di kebanyakan jalan dan ia nampak bersaing dengan hiasan yang dibuat sempena Krismas.

Seorang rakyat Filipina berkata, "Di Filipina, kita mula menghias untuk Krismas awal. Kita mulakannya seawal November."

Pengarah Biro Berita Apec, Victor Tuason berkata, hampir 300 sukarelawan akan mengendalikan pusat media yang dibuka di PICC.

Kawalan keselamatan adalah ketat memandangkan kehadiran pemimpin-pemimpin Apec termasuk Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, Presiden Soeharto dari Indonesia, Presiden China, Jiang Zemin, Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota-anggota tentera kelihatan memeriksa tempat-tempat mesyuarat dengan pengesan bom sementara akhbar-akhbar tempatan hari ini melaporkan kerajaan Filipina telah mendapatkan kereta mewah kalis peluru untuk kegunaan pemimpin-pemimpin itu.

Presiden Filipina, Fidel Ramos semalam berkata menerusi televisyen yang penganjur forum itu dan agensi-agensi berkenaan lain sedia menangani sebarang aktiviti anti-Apec.

Sementara itu, pegawai-pegawai Malaysia daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) telah tiba di Manila hari ini untuk membuat persiapan bagi mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan Menteri-menteri.

Di peringkat Menteri, Malaysia akan diwakili oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi. -- BERNAMA

MAM SHY PR